



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

RM2.5 JUTA DIPERUNTUKKAN OLEH KERAJAAN MELALUI KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI) BAGI PELAKSANAAN TIGA (3) PROJEK KAMPUNG ANGKAT MADANI TAHUN 2024

SEGAMAT, 24 Ogos 2024 – Majlis Peluncuran Kampung Angkat MADANI Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Tahun (MOSTI) 2024 telah dirasmikan oleh YB Tuan Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi di Kampung Tekam, Pogoh 3, Segamat, Johor.

Dalam ucapannya, YB Menteri telah mengumumkan bahawa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah memilih Kampung Tekam, Pogoh 3, Segamat, Johor sebagai Kampung Angkat MADANI MOSTI Tahun 2024 dengan pelaksanaan tiga (3) projek iaitu (i) Pembangunan Telaga Tiub bersama Panel Tenaga Solar oleh Agensi Angkasa Malaysia & Yayasan Inovasi Malaysia; (ii) Lampu jalan berasaskan Tenaga Boleh Baharu (renewable energy) oleh Nano Malaysia Berhad; dan (iii) Jeti Terapung BioKomposit oleh Agensi Nuklear Malaysia. Sebanyak RM2.5 juta telah diperuntukkan oleh Kerajaan bagi pelaksanaan tiga (3) projek tersebut.

Menurut beliau, “Di peringkat MOSTI, program Kampung Angkat MADANI membuka peluang kepada Kementerian untuk memperkenalkan dan mengguna pakai teknologi-teknologi yang dibangunkan oleh agensi yang boleh memberi manfaat kepada kemudahan penduduk setempat. Ini adalah penting supaya masyarakat dapat menikmati kemajuan sains, teknologi dan inovasi negara, seterusnya meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat.”

Program Kampung Angkat MADANI merupakan satu inisiatif kerajaan Malaysia MADANI bagi merapatkan jurang kemudahan asas dan bandar. Justeru, program ini memberi tumpuan kepada melengkapkan kemudahan-kemudahan asas termasuk bekalan air dan elektrik, jalan dan lampu jalan, perkhidmatan masyarakat dan akses internet di kawasan desa dan kampung terpinggir yang masih di bawah capaian liputan 50%. Inisiatif ini selaras dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 yang menetapkan visi untuk mewujudkan masyarakat yang mampan, inklusif dan saintifik ke arah negara berteknologi tinggi.

Bagi pengisian semasa Majlis Peluncuran Program Kampung Angkat MADANI, MOSTI bersama komuniti Kampung Tekam telah melaksanakan aktiviti gotong-royong di perkarangan masjid termasuk membersihkan kawasan kubur, rewang bubur lambuk menggunakan beras nuklear NMR 152, menanam pokok bunga dan aktiviti Pencerapan Malam dengan kerjasama Planetarium Negara. Aktiviti-aktiviti ini turut disertai oleh peserta konvoi motosikal daripada MOSTI. Terdahulu Pelepasan Program Konvoi Motosikal Kembara Merdeka 2024 ke Kampung Angkat Madani MOSTI telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ts. Dr. Haji Aminuddin bin Hassim, Ketua Setiausaha MOSTI pada 22 Ogos 2024. Konvoi Motosikal Kembara Merdeka ini merupakan inisiatif Kelab KEMSAINS MOSTI sempena Sambutan Bulan Kebangsaan 2024.

MOSTI turut membawa program STEM Camp bagi menarik minat, meningkatkan pengetahuan dan menambah baik kemahiran terutamanya golongan pelajar, golongan belia dan orang awam terhadap bidang STEM.

YB Menteri dan hadirin turut diberi penerangan dan seterusnya menyaksikan pameran replika projek-projek yang sedang dilaksanakan di Kampung Tekam. Taklimat ini bagi memberikan pendedahan dan ilmu pengetahuan kepada komuniti kampung berkaitan dengan inisiatif yang telah disediakan oleh Kerajaan.

TAMAT

Disediakan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
24 OGOS 2024**

PENERANGAN RINGKAS MENGENAI PROJEK

- i. **Pembangunan Telaga Tiub bersama Panel Tenaga Solar** oleh Agensi Angkasa Malaysia & Yayasan Inovasi Malaysia.
 - a. Pembangunan Telaga Tiub yang ditempatkan di kawasan Masjid Jamek, Kampung Tekam ini menggunakan teknologi remote sensing dan GIS yang membantu dalam pencarian sumber air bawah tanah, yang kemudiannya melalui proses tapisan yang tidak melibatkan sebarang bahan kimia. Sumber air yang ditapis akhirnya disalurkan melalui telaga tiub yang boleh diminum secara terus. Penggunaan sistem solar akan berfungsi sebagai tenaga alternatif kepada penggunaan tenaga elektrik. Hal ini membantu dalam mengurangkan kos seterusnya mengoptimumkan penggunaan telaga tiub tanpa sebarang kos elektrik tambahan kepada penduduk Kampung Tekam.
- ii. **Lampu jalan berasaskan Tenaga Boleh Baharu (*renewable energy*)** oleh Pusat Nano Kebangsaan & Nano Malaysia Berhad.
 - a. Pelaksanaan projek Lampu Jalan Berasaskan Tenaga Boleh Baharu adalah sebuah projek pemasangan lampu solar yang didatangkan dengan teknologi sistem hidrogen (hyper reactor) sebagai bekalan tenaga alternatif kedua pada sistem lampu solar tersebut.
- iii. **Jeti Terapung BioKomposit** oleh Agensi Nuklear Malaysia.
 - a. pembinaan Jeti Terapung Biokomposit pula adalah satu inisiatif untuk membina sebuah platform mudah alih sebagai alternatif kepada jeti nelayan sedia ada berikutan keadaan kawasan jeti nelayan tersebut yang terdedah kepada risiko banjir.
 - b. Pelaksanaan projek ini dilihat dapat membantu para nelayan di Kampung Tekam sebagai platform pendaratan ikan dan bot-bot nelayan selain menjadi hub penyaluran bekalan bantuan keperluan harian semasa banjir kepada penduduk Kampung Tekam.